RUSLAN & YANG LAIN lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
MAT GHANI ABDULLAH PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42H-(38-44)12-2016]
10 OGOS 2017

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman – Rayuan terhadap hukuman – Rompakan berkumpulan menggunakan senjata – Sama ada hukuman mengikut peruntukan undang-undang – Sama ada pengakuan bersalah dan kesalahan pertama melayakkan peringanan hukuman – Sama ada kepentingan awam perlu diberi pertimbangan utama berbanding kepentingan tertuduh – Sama ada pengakuan bersalah tanpa diwakili peguam melanggar per. 5(3) Perlembagaan Persekutuan – Sama ada 'youthful offender' wajar dikenakan hukuman sama dengan tertuduh-tertuduh lain – Kanun Keseksaan, ss. 395 & 397*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan – Seksyen 395 & 397 – Rompakan berkumpulan menggunakan senjata – Rayuan terhadap hukuman – Sama ada hukuman mengikut peruntukan undang-undang – Sama ada pengakuan bersalah dan kesalahan pertama melayakkan peringanan hukuman – Sama ada kepentingan awam perlu diberi pertimbangan utama berbanding kepentingan tertuduh – Sama ada pengakuan bersalah tanpa diwakili peguam melanggar per. 5(3) Perlembagaan Persekutuan*

Kelapan-lapan perayu warganegara Indonesia dalam rayuan ini dipertuduh di Mahkamah Sesyen bawah s. 395 Kanun Keseksaan ('KK') dibaca bersama-sama dengan s. 397 KK bagi satu kesalahan merompak sebuah kapal di perairan Malaysia secara berkumpulan dengan bersenjatakan senjata maut, iaitu pistol dan parang. Kesemua perayu, yang tidak diwakili peguam semasa perbicaraan mengaku bersalah atas pertuduhan tersebut. Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS'), yang berpuas hati bahawa kesemua perayu memahami sebab dan sifat pengakuan mereka, mendapati mereka bersalah dan mensabitkan kesemua perayu atas kesalahan seperti yang dipertuduh. Perayu pertama dan ketiga dijatuhkan hukuman penjara 18 tahun dari tarikh 27 November 2016. Mereka tidak dikenakan hukuman sebatan atas alasan umur yang melebihi 50 tahun. Perayu kedua dan keempat hingga kelapan dijatuhkan hukuman penjara 15 tahun serta lima kali sebatan rotan dari tarikh 27 November 2016. Perayu-perayu merayu terhadap hukuman yang dijatuhkan atas alasan-alasan, antara lain, bahawa HMS terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila: (i) gagal mengambil kira pengakuan bersalah perayu-perayu bagi peringanan hukuman; (ii) hanya mempertimbangkan kepentingan awam tanpa mengambil kira faktor mitigasi lain; (iii) gagal mempertimbangkan bahawa ini adalah kesalahan pertama perayu-perayu; (iv) menjatuhkan hukuman yang melampau walaupun rompakan tidak berjaya; dan (v) menjatuhkan hukuman apabila perayu-perayu tidak diwakili peguam seperti yang diperuntukkan bawah per. 5(3) Perlembagaan Persekutuan.

A **Diputuskan (menolak rayuan):**

(1) Hukuman yang boleh dikenakan terhadap perayu-perayu bawah s. 395 KK dibaca bersama-sama dengan s. 397 KK adalah penjara sehingga 20 tahun dan boleh juga dikenakan sebatan. Hukuman yang dijatuhkan atas perayu-perayu oleh HMS sememangnya mengikut peruntukan undang-undang dan tiada isu hukuman tidak sah. Malahan, prosiding yang dijalankan di hadapan HMS juga teratur dan menurut undang-undang. Oleh itu, hukuman yang dijatuhkan oleh HMS tidak diusik. (perenggan 12 & 13)

(2) Pengakuan bersalah tidak membolehkan seseorang tertuduh mendapat diskaun bagi hukumannya secara automatik. Ini hanyalah salah satu faktor mitigasi terutamanya bagi kes yang tidak melibatkan kes dahsyat dan teruk yang boleh dibayangkan. Perbuatan jenayah oleh perayu-perayu boleh dikategorikan sebagai senario suatu kes paling teruk, dahsyat dan kejam yang boleh dibayangkan telah berlaku. Fakta bahawa ini adalah kesalahan pertama perayu-perayu tidak melayakkan mereka mendapat hukuman lebih ringan atau diskaun secara automatik. Perayu-perayu dalam kes ini telah bertindak dengan kejam dan tanpa perikemanusiaan. (perenggan 15 & 18)

(3) Kepentingan awam perlu diberi pertimbangan utama berbanding kepentingan perayu-perayu. Dalam kes ini, nyata bahawa kepentingan awam yang merangkumi keseluruhan rakyat Malaysia, negara dan seluruh dunia melangkaui faktor mitigasi perayu-perayu. Kes ini melibatkan kedaulatan negara dan keselamatan perairan negara ini. Keseriusan jenayah yang dilakukan perayu-perayu juga tidak membolehkan mereka mendapat pertimbangan hukuman kebelakangan yang merupakan budi bicara hakim semata-mata. Ketiadaan laporan tangkap di Malaysia tidak menjadikan sabitan dan hukuman tidak sah di sisi undang-undang. Dengan itu, adalah wajar perayu-perayu tidak diberikan peringanan hukuman. (perenggan 16, 20 & 24)

(4) Walaupun perayu-perayu menghujahkan bahawa rompakan tidak berjaya sepenuhnya, pada hakikatnya, rompakan telah berjaya dilakukan, tetapi telah dipatahkan di pertengahan jalan akibat diburu oleh pihak berkuasa. Kesannya boleh disifatkan sama dengan rompakan berlaku sepenuhnya. Oleh itu, HMS tidak terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang dalam menjatuhkan hukuman. (perengan 21)

(5) Isu hak terhadap peguam bela tidak menjadi isu dalam kes ini sehingga menjurus pada salah laksana keadilan. Rekod menunjukkan bahawa perayu-perayu tidak memohon untuk diwakili peguam dan HMS telah memastikan beberapa kali bahawa perayu-perayu memahami sifat dan akibat pengakuan salah. Oleh itu, HMS tidak khilaf apabila menerima

pli bersalah perayu-perayu tanpa diwakili peguam. Tiada pelanggaran per. 5(3) Perlembagaan Persekutuan terhadap perayu-perayu dalam keseluruhan prosiding di Mahkamah Sesyen. (perenggan 22)

(6) Perayu kelapan, yang dikatakan sebagai 'youthful offender', dikenakan hukuman sama dengan perayu-perayu lain. Dalam kes ini kudrat dan ketidakperikemanusiaan perayu kelapan adalah sama dengan perayu-perayu dewasa yang lain. Oleh itu, hukuman yang dikenakan terhadap perayu kelapan adalah wajar (perenggan 25)

Kes-kes yang dirujuk:
Aisyah Mohd Rose & Anor v. PP [2016] 1 CLJ 529 CA ***(dirujuk)***
New Tuck Shen v. PP [1982] CLJ 38B; [1982] CLJ (Rep) 606 HC ***(dirujuk)***
PP v. Leo Say & Ors [1985] 2 CLJ 155; [1985] CLJ (Rep) 683 HC ***(dirujuk)***
PP v. Loo Choon Fatt [1976] 1 LNS 102 HC ***(dirujuk)***
PP lwn. Muhamad Abdul Rahim Adnan & Satu Lagi [2007] 9 CLJ 672 HC ***(dirujuk)***
PP v. Teh Ah Cheng [1976] 1 LNS 116 HC ***(dirujuk)***
Sim Lok Yong v. PP [1995] 1 SLR 537 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Federal Constitution, art. 5(3)
Penal Code, ss. 395, 397

Bagi pihak perayu - Mohd Daud Ismail; T/n Daud & Co
Bagi pihak responden - Saiful Hazmi Mohd Saad & Juanita Mohd Said; TPR

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Mat Ghani Abdullah PK:

[1] Rayuan di hadapan mahkamah ini adalah berkenaan satu kes yang telah menggemparkan negara dan malahan seluruh dunia pada ketika itu. Kes ini melibatkan perampasan kapal tangki MT Orkim Harmony yang bermuatan minyak petrol dan perampasan ini menjurus kepada rompakan lanun.

[2] Perayu seramai lapan orang di dalam kes ini adalah rakyat Indonesia yang dituduh di Mahkamah Sesyen Kota Tinggi dengan satu kesalahan merompak berkumpulan di atas sebuah kapal di dalam perairan Malaysia. Pertuduhan terhadap mereka adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 11 Jun 2015 jam lebih kurang 9.00 malam di atas Kapal MT Orkim Harmony (No. IMO: 9524671/Official Number: 334084) berkoordinat di garis lintang 02 darjah 08.9 minit Utara dan garis bujur 104 darjah 27.30 minit Timur, 12.4 batu nautika dari pulau Tokong Yu, Johor iaitu dalam perairan Malaysia didapati telah merompak secara berkumpulan, Kapal MT Orkim Harmony milik Syarikat Magna Meridian

A Sdn. Bhd. dan semasa melakukan rompakan berkumpulan tersebut kamu telah bersenjatakan senjata maut iaitu pistol dan parang. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 395 Kanun Keseksaan dibaca bersama seksyen 397 Kanun yang sama.

[3] Kesemua perayu telah mengaku salah atas pertuduhan tersebut apabila
B pertama kali dihadapkan di hadapan Puan Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) Kota Tinggi. Kesemua perayu tidak diwakili oleh peguam tetapi wakil Kedutaan Indonesia telah hadir pada masa prosiding tersebut. Hakim Mahkamah Sesyen telah berpuas hati dengan pengakuan bersalah kesemua perayu setelah mereka semua faham sebab dan sifat pengakuan mereka dan
C mereka semua telah didapati bersalah dan disabitkan dengan kesalahan seperti pertuduhan.

[4] Ekoran sabitan tersebut HMS telah menjatuhkan hukuman penjara 18 tahun dari tarikh 27 November 2016 bagi perayu 1 dan perayu 3 (di mana kedua-dua mereka telah berusia lebih 50 tahun dan hukuman sebatan tidak
D dapat dikenakan ke atas mereka) manakala penjara 15 tahun dari tarikh 27 November 2016 serta lima kali sebatan rotan bagi perayu 2, 4, 5, 6, 7 dan 8.

[5] Kesemua perayu tidak berpuas hati terhadap hukuman yang dikenakan oleh Puan Hakim Mahkamah Sesyen tersebut dan mereka merayu ke
E mahkamah ini terhadap hukuman yang dijatuhkan. Mereka memohon agar hukuman penjara dan sebatan dikurangkan.

[6] Di hadapan mahkamah ini sekarang perayu telah diwakili oleh seorang peguam dari Tetuan Daud & Co dan di dalam petisyen dan hujahan peguam menyatakan alasan bagi perayu adalah seperti berikut:
F

(i) HMS telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila beliau yang bijaksana gagal mengambil kira faktor pengakuan salah perayu-perayu sebagai faktor positif untuk mengurangkan hukuman yang seharusnya dijalani oleh perayu-perayu. Pengakuan salah oleh perayu-perayu yang
G dibuat telah menjimatkan masa dan kos mahkamah, pihak pendakwaan dan saksi-saksi yang terlibat. Faktor pengakuan perayu-perayu yang dibuat secara awal oleh perayu-perayu sebenarnya telah mengelakkan keperluan perbicaraan yang panjang dan membolehkan kes dilupuskan secara cepat. Perayu-perayu dalam kes ini telah terus mengaku salah
H sebaik sahaja pertuduhan dibacakan oleh pendakwaan. Oleh yang demikian, adalah wajar bagi perayu-perayu untuk diberikan diskaun bagi hukumannya.

(ii) HMS telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila telah melaksanakan budi bicaranya dengan mengambil kira faktor
I kepentingan awam dan kesalahan yang berleluasa antara satu-satunya alasan dalam memutuskan perayu-perayu untuk menjalani tempoh

hukuman selama 18 tahun dan 15 tahun dengan lima sebatan rotan masing-masing tanpa mengambil kira apa-apa faktor mitigasi yang lain atau tanpa membimbing perayu-perayu terhadap faktor-faktor mitigasi yang sedia ada.

(iii) HMS telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta dalam mencapai keputusan beliau tanpa menimbangkan hukuman walaupun ia melibatkan kesalahan yang berat, fakta ia merupakan kesalahan pertama perayu-perayu dan mereka tidak mempunyai sebarang rekod-rekod lampau perlu dipertimbangkan.

(iv) HMS telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta dalam mencapai keputusan beliau dengan menjatuhkan hukuman yang tidak wajar ke atas semua perayu. Hukuman yang telah dijatuhkan jelas melampau di mana hukuman maksima penjara di bawah s. 395 Kanun Keseksaan adalah 20 tahun. Berdasarkan fakta-fakta, rompakan yang dilakukan tidak berjaya dan fakta ini seharusnya dipertimbangkan sebelum hukuman dijatuhkan.

(v) HMS telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta dalam menjatuhkan hukuman apabila perayu-perayu tidak diberi peluang untuk diwakili oleh peguam seperti yang diperuntukkan di bawah per. 5(3) Perlembagaan Persekutuan. Perayu-perayu tiba di Malaysia pada 27 November 2016 dan dibawa ke mahkamah pada hari yang sama di mana setelah perayu-perayu telah mengaku salah, hukuman telah dijatuhkan pada masa dan hari yang sama.

(vi) HMS telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila menjatuhkan hukuman terhadap perayu-perayu sedangkan rompakan tidak berjaya. Ini seharusnya dipertimbangkan sebelum hukuman dijatuhkan.

(vii) HMS telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal mengambil kira bahawa perayu-perayu ditahan di negara Vietnam selama setahun sebelum dihantar ke Malaysia.

[7] Fakta kes (P1) semasa prosiding tersebut yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan adalah seperti berikut:

(a) Pada 10 Jun 2015, pada jam lebih kurang 9.30 pagi, sebuah kapal motor tanker minyak milik syarikat Malaysia, MT Orkim Harmony telah memulakan pelayarannya dari Jeti Sg Udang, Melaka ke Pelabuhan Tg. Gelang, Kuantan, Pahang. Pada hari tersebut MT Orkim Harmony mengangkut minyak petrol (unleaded gasoline 95) sebanyak 5,879 metrik tan yang telah diambil daripada Terminal PETRONAS di Melaka.

(b) Seramai 22 kru mengikuti pelayaran di atas kapal milik syarikat Magna Meridian Sdn Bhd itu. Mereka terdiri daripada 16 warga Malaysia termasuk kapten, lima warga Indonesia dan satu warga Myammar.

(c) Pelayaran MT Orkim Harmony berjalan lancar untuk beberapa hari, sehinggalah kapal mula melalui perairan Johor. Pada 11 Jun 2015 jam lebih kurang 9 malam, di koordinat garis lintang 02 darjah 08.9 minit Utara dan garis bujur 104 darjah 27.3 minit Timur 12.4 batu nautika daripada pulau Tokong Yu, Johor di dalam perairan Malaysia, sebuah bot telah merapat ke MT Orkim Harmony dan seramai lapan orang perompak menaiki MT Orkim Harmony.

(d) Kesemua perompak bersenjatakan parang dan dua daripada mereka juga mempunyai senjata pistol setiap seorang. Kumpulan perompak ini dikenal pasti sebagai tertuduh-tertuduh. Salah seorang kru kapal iaitu Mawit Matin telah terserempak dengan kumpulan perompak ini dan telah berlaku pergelutan. Dalam pergelutan tersebut, beberapa das tembakan telah dilepaskan dan salah satu daripadanya mengenai Mawit Matin di bahagian peha.

(e) Bunyi tembakan dan kekecohan di dek kapal telah menyebabkan beberapa kru yang lain keluar ke dek. Menyedari kehadiran kumpulan perompak di atas kapal, beberapa kru cuba melarikan diri tetapi dapat ditangkap dan dipukul oleh tertuduh-tertuduh. Beberapa das tembakan turut dilepaskan ke arah kru kapal. Tertuduh-tertuduh seterusnya mencari dan mengumpul semua kru kapal dan mengurung mereka. Kesemua tangan mereka yang dikurung telah diikat.

(f) Kru MT Orkim Harmony yang berada di anjungan turut mendengar kekecohan di dek dan melihat pergelutan sedang berlaku. Tidak berapa lama kemudian, pintu anjungan dipecahkan oleh salah seorang tertuduh dan sebaik berjaya memasuki anjungan, semua peralatan komunikasi dan sistem pengesanan kapal diputuskan kabelnya oleh tertuduh-tertuduh. Tertuduh pertama yang merupakan ketua perompak telah mengarahkan kapten kapal iaitu Nor Fazly bin Sahat membawa kapal tersebut ke perairan Thailand. Dalam masa beberapa minit sahaja, kumpulan perompak tersebut telah menawan MT Orkim Harmony.

(g) Dalam masa yang sama, syarikat Orkim Ship Management Sdn Bhd yang menguruskan MT Orkim Harmony, mula mengesyaki sesuatu yang buruk telah berlaku apabila sistem pengesanan dan identifikasi kapal gagal mengesan kapal tersebut. Posisi terakhir MT Orkim Harmony yang diketahui adalah garis lintang 02 darjah 08.9 minit Utara dan garis bujur 104 darjah 27.3 Timur di dalam perairan Malaysia.

(h) Pengadu, Shahrir bin Kamaruddin yang merupakan seorang penyelia di syarikat Orkim Ship Management Sdn Bhd, cuba menghubungi kapal tersebut berkali-kali melalui radio, emel dan telefon tetapi gagal.

Selanjutnya pengadu telah mengeluarkan suatu arahan kepada semua kapal-kapal berhampiran lokasi kehilangan MT Orkim Harmony untuk menghubungi dan mengesan MT Orkim Harmony. Pihak syarikat telah mencuba selama beberapa jam dan akhirnya, apabila semua usaha tidak berhasil, pengadu telah membuat laporan polis dan suatu operasi mencari dan menyelamat telah dilancarkan. Operasi tersebut disertai oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Tentera Laut Di Raja Malaysia (TLDM).

(i) Selepas satu minggu operasi dilancarkan, pada 18 Jun 2015, jam lebih kurang 11 pagi, MT Orkim Harmony akhirnya dapat dikesan. Kapal tersebut dikesan sedang bersauh di kedudukan garis lintang 08 darjah 29.89 minit Utara dan 102 darjah 58.88 minit Timur di perairan Vietnam. Lokasi tersebut adalah 395 batu nautika daripada lokasi terakhir kapal tersebut dikesan di dalam sistem.

(j) Sewaktu dikesan didapati nama MT Orkim Harmony telah dicat dan ditukar menjadi KIM HARMON dan nombor IMO (International Maritime Organization) serta lain-lain tanda pengenalan pada badan MTOH telah dipadamkan dengan cat.

(k) Apabila menyedari mereka telah dikesan oleh pihak berkuasa Malaysia, tertuduh pertama yang merupakan ketua perompak telah mengarahkan kapten kapal untuk bergerak dengan kelajuan maksimum menuju ke Thailand. Bagaimanapun, selepas dipujuk oleh kapten, tertuduh pertama bersetuju untuk bergerak kembali ke Selatan dan berunding dengan pihak TLDM.

(l) Suatu rundingan telah berjalan di antara TLDM dengan tertuduh pertama. Ketika proses rundingan ini sedang berjalan, tertuduh-tertuduh telah mengambil tindakan untuk melarikan diri menggunakan bot penyelamat MT Orkim Harmony. Pada jam lebih kurang 8.30 malam, tertuduh-tertuduh telah meloloskan diri. Butiran peribadi serta alamat dan maklumat keluarga kapten kapal telah diambil oleh tertuduh pertama sebagai ancaman kepada kapten kapal untuk tidak memberitahu tindakan tertuduh-tertuduh melarikan diri kepada TLDM.

(m) Kapten kemudiannya telah memaklumkan pelolosan semua tertuduh kepada TLDM pada 19 Jun 2015 jam 1 pagi. MT Orkim Harmony seterusnya diiringi pulang ke Malaysia dan tiba di Pelabuhan Kuantan pada hari yang sama.

(n) Siasatan ke atas MT Orkim Harmony telah menemukan sebilah parang dengan sarung di anjungan kapal. Tiada senjata api dijumpai. Namun, ada slug dijumpai dan terdapat kesan-kesan tembakan pada struktur badan kapal.

(o) Doktor yang merawat Mawit Matin mengesahkan luka beliau adalah konsisten dengan luka tembakan senjata api.

(p) Hasil pemeriksaan ke atas MT Orkim Harmony didapati bahawa kargo MT Orkim Harmony adalah selamat. Namun, kesemua kru kehilangan barangan peribadi seperti laptop, jam tangan, barang kemas, telefon bimbit dan wang tunai hasil daripada rompakan berkumpulan yang dilakukan oleh tertuduh-tertuduh.

(q) Pada 19 Jun 2015, APMM telah menerima emel daripada Vietnam Coast Guard yang memaklumkan bahawa tangkapan telah dibuat ke atas lapan orang lelaki warganegara Indonesia yang dijumpai di Pulau Tao Cho, Vietnam. Turut dijumpai di pulau tersebut adalah sebuah bot penyelamat yang kemudian dikenal pasti sebagai bot penyelamat daripada MT Orkim Harmony. Bot tersebut telah dicat untuk menutup tanda pengenalan MT Orkim Harmony. Kesemua lapan orang lelaki warganegara Indonesia tersebut telah dicamkan oleh krew MT Orkim Harmony sebagai kumpulan yang merompak MT Orkim Harmony (tertuduh-tertuduh).

(r) Pada 4 November 2016, permohonan ekstradisi Malaysia bagi kesemua tertuduh telah dibenarkan oleh Supreme People's Court of Hanoi, Vietnam. Pada 27 November 2016, kesemua tertuduh telah dibawa ke Malaysia.

[8] Sebelum Hakim Mahkamah Sesyen menjatuhkan hukuman, kesemua perayu telah diberi peluang untuk memohon peringanan hukuman dan kesemua mereka memohon hukuman ringan atas alasan mereka semua menyesal dengan tindakan dan mereka mempunyai keluarga untuk disara.

Hujahan Pihak Pendakwaan

[9] Timbalan Pendakwa Raya terpelajar di dalam hujahan mereka memohon agar rayuan ini diketepikan dan keseluruhan hukuman tersebut dikekalkan dengan mengambil kira fakta berikut:

(a) HMS telah mengenakan hukuman selaras dengan kuasa yang diberikan kepadanya mengikut undang-undang dan tiada isu illegal sentence.

(b) HMS telah menimbangkan faktor bahawa kepentingan awam perlu diberi keutamaan lebih dari kepentingan perayu-perayu.

(c) HMS juga mengambil kira keseriusan jenayah yang telah dilakukan oleh perayu-perayu. Apatah lagi di dalam kes ini ia melibatkan isu kedaulatan negara serta keselamatan perairan negara kita.

(d) Walaupun perayu-perayu telah mengaku salah dan juga telah membuat rayuan perayu-perayu terhadap hukuman, HMS telah menimbangkannya berbanding keseriusan kesalahan yang dilakukan

mereka. Faktor-faktor mitigasi perayu-perayu tidak dapat mengatasi faktor kepentingan awam dan ianya tidak mewajarkan hukuman ringan atas keseriusan jenayah tersebut.

(e) Perayu-perayu telah ditahan di Vietnam dan terpaksa diekstradisi dari Vietnam juga bukanlah faktor peringanan hukuman. Malahan ia menunjukkan akan keseriusan kesalahan yang dilakukan mereka. Faktor ini sebenarnya adalah faktor pemberatan kepada hukuman.

(f) Fakta bahawa rompakan tidak berjaya adalah tidak tepat kerana kesemua 22 kru kapal telah dirompak barangan peribadi mereka. Kapal yang berisi muatan Petrol Ron95 telah ditawan oleh perayu-perayu selama lapan hari.

(g) Pihak APMM dan TLDM telah terpaksa dikerah untuk membuat pencarian kapal ini. Hakikat bahawa perayu-perayu adalah 'lanun warganegara asing' juga menunjukkan ia adalah isu kedaulatan negara kita yang tidak langsung boleh dipandang ringan.

Alasan Hakim Mahkamah Sesyen

[10] Di dalam alasan penghakiman Hakim Mahkamah Sesyen beliau memberi alasan berikut kenapa hukuman sedemikian dikenakan terhadap kesemua perayu:

(a) Kepentingan awam

Faktor kepentingan awam merupakan faktor utama yang perlu diberikan perhatian di dalam menjatuhkan hukuman. Kepentingan awam menghendaki agar hukuman yang dijatuhkan bukan sahaja menjadi pengajaran kepada tertuduh dan mencegah mereka dari melakukan kesalahan yang serupa di masa hadapan, tetapi juga untuk mencegah orang lain dari melakukan kesalahan yang sama (rujuk *PP lwn. Muhamad Abdul Rahim Adnan & Satu Lagi* [2007] 9 CLJ 672).

Kepentingan awam juga menghendaki agar hukuman yang dikenakan ke atas pesalah menggambarkan hasrat masyarakat agar pesalah dikenakan hukuman yang berat dan setimpal. Mahkamah berharap dengan hukuman yang dikenakan ke atas OKT-OKT, mereka benar-benar insaf dan tidak mengulangi kesalahan yang sama di masa hadapan seterusnya menjadi pengajaran dan ingatan kepada mana-mana pihak yang berhasrat melanggar undang-undang negara Malaysia.

(b) Kesalahan serius

Hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan di bawah s. 395 Kanun Keseksaan dibaca bersama s. 397 Kanun yang sama ialah seseorang yang disabitkan dengan kesalahan hendaklah diseksa dengan hukuman penjara

A tidak lebih dari 20 tahun dan boleh juga dikenakan sebat. Oleh itu, adalah menjadi tugas pihak mahkamah untuk menentukan sesuatu hukuman yang sesuai (rujuk *New Tuck Shen v. PP* [1982] CLJ 38B; [1982] CLJ (Rep) 606.

B Perbuatan merompak dengan menggunakan senjata merupakan kesalahan yang serius tambahan pula dalam kes ini, salah seorang anak kapal telah tercedera akibat terkena tembakan. Sepanjang tempoh vessel serta anak kapal ditahan oleh OKT-OKT, anak-anak kapal mengalami trauma di mana mereka semua telah dikurung dengan tangan yang diikat. Sepanjang masa, anak-anak kapal juga telah diugut agar tidak cuba C melepaskan diri. Oleh itu, hukuman berat sewajarnya dikenakan ke atas perompak-perompak/lanun-lanun tersebut.

(c) Jenayah rompakan di lautan semakin berleluasa (rampant offence)

D Kejadian rompakan di perairan Malaysia semakin berleluasa dan sangat membimbangkan terutamanya kepada pemilik dan anak-anak kapal yang sentiasa dalam kebimbangan nyawa dan harta benda. Dari statistik yang dimaklumkan oleh pihak pendakwaan, pada tahun 2013, sebanyak lapan kes rompakan di lautan dilaporkan, sebanyak 14 kes dilaporkan pada tahun 2014 dan sebanyak sepuluh kes dilaporkan pada tahun 2015.

E Oleh itu, hukuman berat sewajarnya dikenakan ke atas pesalah sebagai gambaran reaksi kekecewaan dan kemarahan masyarakat terhadap pelaku jenayah ini.

(d) Pengakuan bersalah OKT-OKT

F Adalah menjadi "accepted rule of practice" bahawa pengakuan salah merupakan satu faktor peringanan penghukuman dan diskaun boleh diberikan kerana ia telah menjimatkan masa dan kos lebih-lebih lagi jika ia melibatkan ramai saksi. Walau bagaimanapun, mahkamah boleh menolak untuk memberikan diskaun sekiranya ia melibatkan kesalahan yang serius (rujuk *PP v. Leo Say & Ors* [1985] 2 CLJ 155; [1985] CLJ G (Rep) 683). Tambahan pula, di mana kepentingan awam menghendaki hukuman berat dikenakan ke atas pelaku jenayah, pengakuan bersalah oleh tertuduh-tertuduh tidak wajar diberikan pertimbangan dalam menjatuhkan hukuman (rujuk *Sim Lok Yong v. PP* [1995] 1 SLR 537).

H **Keputusan**

[11] Dalam kes *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102; [1976] 2 MLJ 256, Hashim Yeop Sani J telah menyatakan mengenai kuasa Mahkamah Tinggi di dalam melaksana kuasa semakan atau rayuan seperti berikut:

I > The principles to be applied in imposing sentence however are the same in every case. The High Court sitting in exercise of its revisionary powers will not normally alter the sentence unless it is satisfied that the sentence of the lower court is either manifestly inadequate or grossly excessive or

illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed on the record or to all the facts which the court ought to take judicial notice of, that is to say, that the lower court clearly has erred in applying the correct principles in the assessment of the sentence. It is a firmly established practice that the court will not alter a sentence merely because it might have passed a different sentence.

[12] Hukuman yang boleh dikenakan terhadap perayu di bawah s. 395 KK dibaca bersama s. 397 KK adalah penjara sehingga 20 tahun dan boleh juga dikenakan sebatan. HMS telah memerintahkan hukuman 18 tahun penjara dari tarikh 27 November 2016 terhadap perayu 1 dan perayu 3, sementara perayu 2, perayu 4 sehingga perayu 8 hukuman penjara 15 tahun penjara dari tarikh 27 November 2016 dan lima sebatan. Berdasarkan nota keterangan saya mendapati prosiding yang dijalankan di hadapan HMS juga teratur dan menurut undang-undang. Oleh itu, hukuman yang dijatuhkan kepada perayu-perayu oleh HMS adalah sememangnya mengikuti peruntukan undang-undang dan tiada isu hukuman yang tidak sah (illegal).

[13] Setelah menimbang hujahan perayu-perayu, Pendakwa Raya dan alasan penghakiman oleh Hakim Mahkamah Sesyen dan mengambil kira fakta kejadian di dalam kes ini saya mendapati hukuman yang dikenakan oleh Hakim Mahkamah Sesyen berkenaan terhadap kesemua lapan orang perayu adalah wajar dan tepat. Oleh itu, saya tidak akan mengusik hukuman yang telah dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen berkenaan.

[14] Seperti yang dihuraikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana, yang mengatakan bahawa mahkamah boleh menolak untuk memberi diskaun walaupun tertuduh telah mengaku salah sekiranya melibatkan kesalahan serius adalah tepat dan wajar. Di dalam kes *PP v. Leo Say & Ors* [1985] 2 CLJ 155; [1985] CLJ (Rep) 683 diputuskan:

Although they are entitled to some credit for that, it must be set off against the enormity and seriousness of the crime that they have committed. As a result of what they have done, a defenceless man was killed in cold blood. In the case of *Krishnamoorthy*, it must be set off against the far more serious matter that he was the leader and the originator of the scheme.

Likewise, in the case of sentencing policy, the sentencing Court ought to proceed upon a parallel rather than a diverging course with the trend in legislation which reflects the view of Parliament as to what the public interest demands in a particular field of law. The increasing recognition by Parliament of the need for imposing severe penalties for certain type of offences is a factor which should not be overlooked by a Judge.

I would be failing in my duty if I do not pass sentences which make it absolutely plain that those who indulge in such conduct do receive sentences of the utmost severity. The sentences should act as a warning

A to others not to take part in similar offences. Such conduct should not only be held in utter abhorrence by all ordinary men and women, but should receive, when brought to justice the severest possible punishment.

[15] Pengakuan bersalah perayu bukan secara automatik membolehkan seseorang tertuduh mendapat diskaun bagi hukumannya. Ia hanyalah salah
B satu faktor mitigasi terutama bagi kes yang tidak melibatkan kes dahsyat dan teruk yang boleh dibayangkan (worst case imaginable scenario). Akan tetapi di dalam kes sekarang ini, berdasarkan fakta kes yang dikemukakan saya dapati perbuatan jenayah yang dilakukan oleh kesemua tertuduh boleh dikategorikan sebagai senario suatu kes paling teruk, dahsyat dan kejam yang
C boleh dibayangkan telah berlaku. Rujuk kes *Aisyah Mohd Rose & Anor v. PP* [2016] 1 CLJ 529:

> The reasons why the appellants deserved the maximum sentence for the second charge is also conspicuously absent in the grounds of judgment of the learned Sessions Judge. In our judgment, the maximum sentence
D should be reserved and is only warranted in a 'worst case imaginable' scenario (see *Sim Gek Yong v. PP* [1995] SGHC 27; *Che Hasan Senawi v. PP* [2008] 5 CLJ 769; [2009] 1 MLJ 55). There is nothing on record to show why or how this case could be categorised as the 'worst case imaginable' scenario.

E **[16]** Pengakuan bersalah tertuduh juga tidak boleh diberi pertimbangan peringanan hukuman sekiranya kepentingan awam menghendaki hukuman berat sebagaimana diputuskan di dalam kes *Sim Lok Kong v. PP* [1995] 1 SLR 537. Kepentingan awam adalah pertimbangan utama yang harus diberikan berbanding dengan kepentingan perayu. Di dalam kes ini amat nyata bahawa kepentingan awam yang merangkumi keseluruhan rakyat Malaysia, negara
F dan seluruh dunia melangkaui faktor mitigasi perayu-perayu. Maka adalah wajar perayu tidak diberi peringanan hukuman. Ini jelas dinyatakan di dalam kes *PP v. Teh Ah Cheng* [1976] 1 LNS 116; [1976] 2 MLJ 186 yang mana YA Eusoffe Abdool Cadeer menyatakan seperti berikut:

G > .. *In sentencing generally the public interest must necessarily be one of the prime considerations,* and more particularly in offences involving the unlawful use or possession of firearms the public interest should never be relegated to the background and must of necessity assume the foremost importance. *Of the several concepts relevant to sentencing, it is my considered view that deterrence and prevention assume positions in the forefront in relation to offences of this nature*. (emphasis added) Lawton LJ in his delightful analysis of the classic
H principles of sentencing and general aspects of punishment in the English Court of Appeal in *Reg. v. JH Sargeant* [1975] 60 Cr App R 74, 77, 78 observed (at p. 77):

> > *... Deterrent sentences may very well be of considerable value where crime is premeditated. Burglars, robbers and users of firearms and weapons may very*
I *well be put off by deterrent sentences ... .*

[17] Mahkamah ini merasakan kesemua perayu masih sangat bernasib baik kerana Pendakwa Raya tidak merayu hukuman sebatan yang lebih berat memandangkan kesalahan yang dilakukan oleh perayu adalah sangat kejam dan mengerikan. Perbuatan merompak oleh perayu-perayu yang menggunakan senjata api dan parang telah memberi kesan trauma yang serius kepada kru kapal serta melibatkan jumlah kerugian yang banyak.

[18] Kesalahan pertama perayu bukan juga secara automatik melayakkan mereka untuk mendapatkan hukuman ringan atau diskaun sekiranya kesalahan yang dilakukan suatu jenayah yang amat kejam dan mengerikan. Perayu-perayu dalam kes ini telah bertindak kejam tanpa perikemanusiaan dan belas ihsan sehingga menyebabkan mangsa trauma, cedera dipukul dan diugut. Jenayah yang dilakukan juga telah menggusarkan bukan sahaja rakyat negara ini malahan telah mencemaskan masyarakat dunia.

[19] Walaupun di sini Hakim Mahkamah Sesyen tidak menyatakan beliau telah memberi pertimbangan kepada mitigasi perayu tetapi berdasarkan nota keterangan, saya dapati memang ada mitigasi yang dikemukakan. Akan tetapi melihat kepada fakta kes yang dikemukakan, pada pandangan saya Hakim Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman yang tepat.

[20] Hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen tidak melampau berbanding dengan keseriusan jenayah yang dilakukan oleh perayu-perayu. Kes ini melibatkan kedaulatan negara dan juga keselamatan perairan negara kita.

[21] Hakim Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman di dalam ruang lingkup yang dibenarkan oleh undang-undang. Oleh itu, beliau tidak khilaf dari segi fakta dan undang-undang walaupun rompakan dikatakan tidak berjaya. Berdasarkan fakta kes adalah tidak tepat bagi pihak perayu mendakwa rompakan tidak berjaya sepenuhnya. Rompakan sebenarnya telah pun berjaya tetapi telah dipatahkan pada pertengahan jalan akibat diburu oleh pihak berkuasa. Oleh itu, kesannya boleh disifatkan sama bahawa rompakan telah pun berlaku sepenuhnya.

[22] Bagi petisyen berkenaan dengan perayu tidak diwakili, rekod menunjukkan bahawa perayu-perayu tidak memohon untuk diwakili peguam dan Hakim Mahkamah Sesyen telah memastikan beberapa kali bahawa perayu-perayu telah memahami sifat dan akibat pengakuan salah. Hakim Mahkamah Sesyen tidak khilaf apabila mengambil pli bersalah tanpa perayu diwakili peguam kerana ketiadaan peguam tidak boleh dianggap telah melanggar per. 5(3) Perlembagaan Persekutuan terutama kes seperti ini yang bukan melibatkan hukuman mati. Malahan pada ketika itu perayu-perayu diwakili oleh Kedutaan Indonesia semasa hari pli mereka diambil. Mahkamah mendapati bahawa isu hak terhadap peguam bela bukanlah

menjadi isu di dalam kes ini sehingga menghasilkan 'miscarriage of justice'. Keseluruhan prosiding yang berjalan di Mahkamah Sesyen tidak menampakkan bahawa wujudnya pelanggaran per. 5(3) Perlembagaan Persekutuan terhadap kesemua perayu.

[23] Mahkamah ini sependapat dengan penegasan pihak pendakwaan bahawa tidak wujud pelanggaran per. 5(3) Perlembagaan Persekutuan terhadap kesemua perayu kerana:

(a) Kesemua mereka membuat pengakuan salah tanpa syarat (unqualified plea);

(b) Pertuduhan yang dikenakan terhadap mereka adalah berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang jelas di bawah s. 395 Kanun Keseksaan;

(c) Fakta kes kesalahan s. 395 KK dengan jelas menyatakan fakta serta elemen kesalahan yang dilakukan oleh kesemua perayu;

(d) Pertuduhan dibacakan terhadap mereka di dalam bahasa yang difahami kesemua perayu. Jurubahasa mahkamah juga menerangkannya kepada mereka;

(e) YA Hakim Sesyen juga memastikan pertuduhan dibaca, diterangkan serta difahamkan sebab dan akibat pengakuan salah tersebut;

(f) Kesemua perayu berupaya memahami prosiding mahkamah yang berlangsung. Mereka masih mengekalkan pengakuan salah tanpa syarat;

(g) Kesemua perayu juga diberikan hak untuk membuat mitigasi kesalahan dan kesemua mereka berupaya membuat mitigasi berkenaan;

(h) Kesemua perayu berupaya memahami keseluruhan prosiding serta berupaya melaksanakan hak-hak mereka tanpa bantuan seorang peguam bela;

(i) Keseluruhan prosiding, tatacara serta hak kesemua perayu telah dipenuhi yang TIDAK menunjukkan apa-apa 'miscarriage of justice' berlaku.

[24] Hakim Mahkamah Sesyen telah menggunakan budi bicara yang betul apabila menjatuhkan hukuman bermula dari 27 November 2016. Keseriusan jenayah yang dilakukan oleh perayu tidak membolehkan mereka mendapat pertimbangan hukuman kebelakangan. Hukuman bermula kebelakangan adalah budi bicara hakim bicara semata-mata. Ketiadaan repot tangkap di Malaysia tidak menjadikan sabitan dan hukuman tidak sah di sisi undang-undang.

[25] Bagi perayu 8 yang di bawah umur juga dikenakan hukuman yang sama dengan perayu-perayu yang lain, bagi perayu yang sedemikian, walaupun dikatakan sebagai youthful offender ia tidak membezakan dengan

perayu atau pesalah yang lain. Kudrat dan ketidakperikemanusiaan perayu ini adalah sama dengan pesalah dewasa yang lain. Oleh itu, hukuman yang dikenakan terhadap perayu 8 adalah wajar. Dan perayu juga bernasib baik kerana pihak pendakwaan tidak menuduh mereka dengan kesalahan yang berat.

[26] Oleh yang demikian, berdasarkan alasan di atas rayuan perayu untuk mendapatkan hukuman penjara yang lebih ringan ditolak. Hukuman Hakim Mahkamah Sesyen adalah kekal. Hakim Mahkamah Sesyen tidak khilaf di dalam menjatuhkan hukuman sedemikian.